

09/08/2002

Tioman zon bebas cukai September ini

Zainuddin Isa

PULAU TIOMAN, Khamis - Mulai 1 September ini, Pulau Tioman bertukar status sebagai pulau bebas cukai, yang ketiga di negara ini selepas Langkawi dan Labuan.

Dengan itu, semua cukai perkhidmatan dan jualan termasuk barang buatan Malaysia yang dibawa ke pulau itu dikecualikan cukai kecuali beberapa barangan ditetapkan Menteri Kewangan seperti petrol, diesel dan gas.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, berkata tarikh itu dipilih untuk memberi masa secukupnya kepada pihak terbabit seperti penduduk, pengusaha hotel dan peniaga, membuat persediaan.

"Perubahan status ini dapat dilaksanakan selepas lima akta berkaitan iaitu Akta Kastam, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas diwartakan di Parlimen baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan pulau itu di sini hari ini.

Pulau Tioman dengan keluasan 13,360 hektar diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Januari lalu.

Taklimat itu disampaikan oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Mat Hashim Tahir dan Pengarah Kastam Pahang, Abdul Wahid Ghani. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Zaleha Hamzah dan Ahli Dewan Undangan Negeri Tioman, Datuk Mustafar Abu Bakar.

Chan berkata, status bebas cukai akan menjadikan Pulau Tioman lebih menarik kepada pelancong dan memberi faedah kepada penduduk tempatan. Kadar kemasukan pelancong ke pulau itu meningkat dari 185,000 pada 1999 kepada 200,000 pada 2000 dan 243,000 pada tahun lalu.

Selaras pertambahan bilangan pelancong itu, kerajaan berpendapat prasarana asas seperti jalan raya dan kemudahan jeti harus di pertingkatkan lagi.

"Dengan itu saya meminta TDA memaklumkan kepada kerajaan negeri apakah projek penting yang sangat diperlukan untuk dimasukkan ke dalam permintaan belanjawan separuh penggal kepada kerajaan pusat tahun depan," katanya.

Beliau juga berharap pengusaha hotel dan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan di pulau itu.

Kerajaan juga menekankan konsep pembangunan Tioman berlainan dengan Langkawi dan Labuan kerana di sini ia tidak akan membabitkan pembangunan industri.

Mengenai persiapan penting sebelum tarikh pelaksanaan bebas cukai itu, beliau berkata Jabatan Kastam yang menjadi agensi penting akan menambah pegawai dan kakitangan sedia ada daripada enam kepada 39 orang bagi membolehkan pengawalan 24 jam.